

## **CUEPACS sokong penuh pelantikan Muhyiddin**

**AstroAwani**

**01 Mac 2020**

**Fauzi Suhaimi,**

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (CUEPACS) mengambil pendirian untuk berdiri teguh, yakin dan menzahirkan sokongan penuh tanpa berbelah bahagi kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri kelapan.

Presidennya, Adnan Mat berkata, sokongan itu bagi memastikan kesejahteraan serta keharmonian rakyat dan negara terjamin.

Menurutnya, CUEPACS dan penjawat awam sentiasa bersama dengan kerajaan untuk terus memaju negara serta menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat dan negara.

"Walaupun kerajaan datang dan pergi bersilih ganti namun perkhidmatan awam tetap kekal setia dalam neutraliti meneruskan khidmat menjaga kesejahteraan negara secara menyeluruh di bawah payung institusi raja.

"Ini kerana perkhidmatan awam, merupakan tonggak kepada pentadbiran kerajaan dan perlu bertindak secara professional.

"CUEPACS ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah di atas pelantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia yang Ke-8," katanya dalam kenyataan di sini pada Ahad.

Adnan berkata, perkhidmatan yang diberikan perlu dilaksanakan dengan prinsip best delivery selaras dengan slogan 'Saya Yang Menjalankan Amanah'.

"Walau apa pun yang berlaku perkhidmatan kerajaan akan sentiasa dipastikan berada dalam keadaan yang terbaik untuk rakyat," ujarinya lagi.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.  
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/cuepacs-sokong-penuh-pelantikan-muhyiddin-232223>